

JABATAN KORPORAT

TARIKH:24.11.2023 MASA:03.15pm

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS JASAMU DIKENANG
ENCIK ABD WAHAB BIN JAAFAR
PENOLONG PENGARAH KANAN
JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

TARIKH / MASA / TEMPAT

27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

09.45 PAGI

**RUANG KERAIAN TINGKAT 16
MENARA BANADARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan hidyah dan inayahNya, kita dapat berkumpul dalam **Majlis Jasamu Dikenang** bagi meraikan **Encik Abd Wahab bin Jaafar, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran** yang bersara mulai 08 November 2023.
2. Sesungguhnya Encik Abd Wahab yang diraikan pada pagi ini diibaratkan permata yang sentiasa berkilau dan berharga disebabkan oleh jasa bakti yang telah disumbangkan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau selama 31 tahun. Khidmat bakti beliau selama ini amatlah tinggi nilainya.
3. Saya percaya sepanjang tempoh perkhidmatan, Encik Abd Wahab telah mengharungi pelbagai pengalaman suka-duka, pahit-manis dan cabaran getir. Banyak pengetahuan dan ilmu yang telah ditimba dan dikecapi yang patut dijadikan sebagai contoh dan tauladan oleh

generasi yang masih berkhidmat sekarang bak kata pepatah Melayu “***pengalaman merupakan guru yang terbaik***”. Saya percaya kita semua akan merindui setiap saat yang telah dilalui sepanjang berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Pegawai Kesihatan Persekitaran.

4. Encik Abd Wahab Bin Jaafar mula berkhidmat dengan MBSP pada 01 Disember 1992, bermula sebagai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran. Setelah lebih kurang 31 tahun berkecimpung dalam bidang Kesihatan Persekitaran di bawah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, beliau telah melalui kenaikan pangkat sebanyak empat (4) kali sebelum dilantik sebagai Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U44. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak lima (5) kali.

5. Saya secara tulus ikhlas menyatakan bahawa beliau masih lagi boleh menyumbang kepada Jabatan. Namun, masa amat mencemburui kita semua dan sudah menjadi lumrah kehidupan setiap yang bertemu pasti akan berpisah begitu juga dalam perkhidmatan sebagai penjawat awam. Persaraan bukanlah satu noktah, sebaliknya ia menjadi satu titik permulaan kepada lembaran baru dalam kitaran hidup seorang penjawat awam.

6. Saya pasti Encik Abd Wahab telah mempunyai perancangan tersendiri sebagai seorang pesara. Walau apa pun yang dirancang, manfaatkanlah sebaiknya. Curahkanlah segala pengalaman yang diperolehi sepanjang tempoh perkhidmatan untuk kebaikan dan kesejahteraan masyarakat setempat. Sesungguhnya segala pengalaman dan pengetahuan yang telah diperolehi amat tinggi nilainya.

7. Saya mewakili seluruh warga kerja MBSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Encik Abd Wahab atas sumbangan dan komitmen beliau sepanjang tempoh berkhidmat di MBSP. Kerjasama dan komitmen yang tinggi sepanjang tempoh perkhidmatan amatlah dihargai. Kami mendoakan agar beliau terus cemerlang dalam apa jua bidang yang diceburi. Kami semua di sini berdoa semoga beliau dan keluarga, dipanjangkan usia, diberikan kesihatan tubuh badan dan ditambahkan ilmu pengetahuan bagi manfaat agama, bangsa dan negara.

8. Kepada Encik Abd Wahab, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya dalam menjalani kehidupan baru dan dalam apa jua bidang yang diceburi. Saya doakan semoga hari-hari persaraan dilimpahi segala rahmat dan keberkatan daripada Allah

S.W.T. dan juga agar beliau terus diberi rahmat kesihatan dan fizikal yang cergas. Jika selama ini beliau telah terbiasa dengan kesibukan di pejabat, saya berharap supaya gaya hidup yang aktif itu terus dikekalkan.

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menghadiahkan pantun khusus untuk Encik Abd Wahab bin Jaafar.

*Tuai padi antara masak,
Esok jangan layu-layuan,
Intai kami antara Nampak,
Esok jangan rindu-rinduan.*

*Akar keladi melilit selasih.
Selasih tumbuh di dalam taman,
Junjungan budi kenangan berkasih,
Mesra kenangan sepanjang zaman.*

*Kalau ada sumur di ladang,
Boleh kita menumpang mandi,
Kalau ada umur yang Panjang,
Boleh kita berjumpa lagi.....*

10. Selamat Bersara dan Selamat Maju Jaya kepada Encik Abd Wahab bin Jaafar.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***